

HAK ASASI MANUSIA

STANDARD KANDUNGAN	TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI	MENGUASAI (✓) TIDAK MENGUASAI (x)	
4.5. Lindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja demi kesejahteraan bersama	1	Menyatakan hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja		

Bacakan pernyataan berikut. Tuliskan "W" untuk hak wanita, "G" untuk hak pengguna, "O" untuk hak OKU dan "K" untuk hak pekerja.

(a) Hak untuk menyuarakan pendapat.

(b) Hak untuk menjalani kehidupan tanpa sebarang diskriminasi.

(c) Hak untuk mendapat peluang kenaikan pangkat.

(d) Hak untuk mendapat rawatan apabila berlaku kemalangan di tempat kerja.

(e) Hak untuk menikmati kehidupan yang normal.

(f) Hak untuk mendapat barangan dan perkhidmatan yang selamat.

(g) Hak untuk mendapat perlindungan.

(h) Hak untuk mendapat upah dan gaji.

STANDARD KANDUNGAN	TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI	MENGUASAI (✓) TIDAK MENGUASAI (X)
4.5. Lindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja demi kesejahteraan bersama	2	Menyerangkan kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja	

Terangkan kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.
Pilih jawapan yang diberikan.

(a) Hak Wanita

Membantu wanita untuk hidup _____ tanpa bergantung pada orang lain.

bahagia

berdikari

(c) Hak Pengguna

Membolehkan pengguna mendapat maklumat yang _____ tentang sesuatu barangan.

jelas

palsu

Kepentingan Hak-hak Asasi

(b) Hak Orang Kurang Upaya

Memberikan peluang untuk mereka menunjukkan bakat tanpa rasa _____

senang hati

rendah diri

(d) Hak Pekerja

Menggalakkan pekerja untuk bekerja dengan _____

bersungguh-sungguh

suka hati

45

Lindungi Hak Wanita, Hak Pengguna, Hak Orang Kurang Upaya dan Hak Pekerja demi Kesejahteraan Bersama

S.P: 4.5.4 Mencadangkan sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.

Padankan peranan badan bukan kerajaan di bawah dengan sumbangan yang telah diberikan dalam usaha melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja. **121**

Badan Bukan Kerajaan

Peranan/sumbangan

1



Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

- Memperbaiki kualiti kehidupan orang cacat pendengaran
- Memelihara hak dan kepentingan orang cacat pendengaran

2



Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

- Mewujudkan saluran perhubungan antara majikan dengan pekerja
- Mengadakan kegiatan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesatuan

3



Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD)

- Memperjuangkan hak dan kepentingan pengguna dengan membangkitkan masalah atau isu kepenggunaan
- Menjadi badan penyalaras dan perunding bagi persatuan pengguna

4



Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

- Meningkatkan taraf sosial wanita, terutama daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah
- Menggalakkan penglibatan wanita dalam agenda pembangunan negara

5



Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)

- Memberikan perlindungan kepada wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga
- Menyediakan khidmat kaunseling dan tempat tinggal untuk wanita yang tertindas

Lindungi Hak Wanita, Hak Pengguna, Hak Orang Kurang Upaya dan Hak Pekerja demi Kesejahteraan Bersama

S.P. 4.3.5 Menceritakan perasaan jika hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dilindungi.

Berdasarkan setiap pernyataan di bawah, tanda (✓) pada ruangan  bagi tindakan yang berjaya melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja, dan tanda (X) pada ruangan  bagi tindakan yang tidak berjaya melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja. **IPS KBAT** *Mengapit*

Pernyataan		
1 Masyarakat perlu mengakui sumbangan golongan wanita terhadap pembangunan negara.	Betul	Salah
2 Orang kurang upaya harus dibenarkan mengemis untuk membantu keluarga mereka yang susah.	Betul	Salah
3 Majikan perlu menyediakan suasana tempat kerja yang kondusif untuk pekerja selain menawarkan skim ganjaran yang adil dan saksama.	Betul	Salah
4 Prinsip 'pelanggan ialah raja' memberikan hak kepada pengguna untuk mengambil tindakan terhadap pengeluar yang tidak jujur tanpa perlu menunjukkan bukti yang sah.	Betul	Salah
5 Golongan wanita wajar dipaparkan dalam semua jenis iklan kerana mereka mampu membantu pengeluar meningkatkan jualan.	Betul	Salah
6 Pekerja perlu bersemuka dan berunding dengan majikan sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah di tempat kerja.	Betul	Salah
7 Program latihan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan mampu membantu orang kurang upaya untuk hidup berdikari.	Betul	Salah
8 Wanita yang didera oleh suami harus berdiam diri bagi menjaga maruah diri dan keluarga.	Betul	Salah
9 Pengambilan orang kurang upaya dalam bidang pekerjaan hanya akan merugikan majikan kerana golongan ini kurang produktif.	Betul	Salah
10 Penyediaan kaunter khas untuk orang kurang upaya dapat membantu mereka menyempurnakan urusan harian dengan cepat dan mudah.	Betul	Salah
11 Majikan yang gagal membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke dalam akaun pekerja mereka boleh didakwa di mahkamah.	Betul	Salah
12 Hak pekerja warga asing tidak perlu diberikan perhatian oleh badan bukan kerajaan dalam usaha melindungi kepentingan pekerja di negara ini.	Betul	Salah
13 Program Minggu Suai Kenal dalam kalangan pekerja baharu dapat membantu mereka menyesuaikan diri dengan suasana tempat kerja baharu dengan lebih cepat.	Betul	Salah
14 Penetapan harga barang kawalan seperti minyak masak dan garam membolehkan pengguna membeli barang keperluan harian pada harga yang berpatutan.	Betul	Salah
15 Orang ramai boleh menggunakan tandas yang dikhaskan untuk orang kurang upaya semasa kecemasan.	Betul	Salah